



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PROGRAM
SAMBUTAN HARI WANITA SEDUNIA
PELABUHAN TANJUNG PELEPAS (PTP)

LOKASI / TARIKH / MASA
SABTU, 06 MAC 2021
PELABUHAN PELEPAS TANJUNG

Bismillahir Rahmaanir Rahiim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Prihatin

SALUTASI

- YB Puan Zaiton Ismail, EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor
- YB Senator Ir Hj Md Nasir Bin Hashim, Ahli Dewan Negara
- Encik Marco Neelsen, Ketua Pegawai Eksekutif Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd

- Encik Boo Wei Ching, Ketua Pegawai Eksekutif Terberg Tractors Malaysia
- Ketua – ketua agensi, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Barisan Pengurusan PTP
- Wakil - Wakil Media
- Serta para hadirin dan hadirat sekalian

KATA-KATA ALUAN

1. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia, dan izinNYA dapat kita berhimpun, di sini, di terminal pelabuhan transshipment termaju di Malaysia, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor.
2. Bagi pihak delegasi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan rumah, Pelabuhan Tanjung Pelepas atau ringkasnya PTP atas sambutan dan layanan baik yang diberikan.

3. Sebelum saya meneruskan ucapan, saya berbesar hati memperkenalkan rombongan saya dari Putrajaya

YBrs. Dr. Hishamuddin Mohd Hashim

Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)

YBrs. Encik Mohd Yusri Mohd Yusoff

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

YBrs. Dr. Zurina Abdul Hamid

Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Wanita

YBrs. Encik Abdul Shukur Abdullah

Ketua Pengarah, Lembaga Penduduk dan Pembangunan
Keluarga Negara

YBrs. Puan Fatimah Zuraidah Salleh

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Kebajikan
Masyarakat

YBrs. Dr. Fazni Mat Arifin

Pengarah, Institut Sosial Malaysia

YBrs. Puan Nordina Haron

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara Malaysia

YBrs. Encik Juhari Jani

Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Kaunselor

4. Sesungguhnya, saya berbesar hati kerana berpeluang untuk berada di sini pada hari ini, dan melihat sendiri pembangunan pesat dan aspirasi, serta rancangan dan usaha masa depan PTP.
5. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berasa bangga dengan usaha dan sumbangan yang telah dilakukan PTP selama ini dalam memperkukuhkan, bukan hanya untuk industri pelabuhan dan maritim tetapi yang paling penting kejayaannya dalam membangunkan masyarakat sekitar, terutamanya untuk golongan wanita.

6. Sejak ditubuhkan pada tahun 2000, PTP terus maju melangkah ke hadapan dari segi pembangunan terminal dan teknologi.

Hari ini, PTP bukan sahaja dilengkapi dengan kemudahan terminal moden dan canggih, ia juga telah membuka peluang besar kepada masyarakat tempatan dari segi peluang pekerjaan dan pelbagai tunjang pembangunan ekonomi dan sosial yang lain.

7. Saya juga bangga dapat menyaksikan pintu masuk selatan Malaysia yang berkembang pesat ini telah benar-benar memberi peluang yang tidak terhingga kepada masyarakat dalam demografi ini untuk berkembang dan makmur.

ASPIRASI KEMENTERIAN

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi,

8. Golongan **wanita telah memberikan sumbangan yang sangat besar dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara** kita sejak 60 tahun yang lalu.

9. Malaysia tidak akan maju tanpa peranan dan sumbangan wanita kerana mereka ini bukan sahaja menyumbang kepada kesejahteraan keluarga tetapi juga menjana pendapatan negara sebagai tenaga buruh yang aktif dan produktif.

10. Dalam usaha memastikan **suara wanita terus didengar** dan **hak mereka dilindungi**, Kerajaan Malaysia, melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terus menggembleng tenaga, melakukan transformasi idea dan berusaha memastikan **kesaksamaan gender tetap menjadi agenda utama dalam pembangunan negara.**

11. Sepanjang tahun 2020 dan 2021 misalnya, pelbagai **inisiatif strategik dan progresif telah dan akan dilaksanakan di pihak kementerian** untuk memperkasakan sosio-ekonomi wanita dengan memberikan peluang untuk golongan ini untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka terutamanya bagi mereka yang terkesan dengan wabak COVID-19.

12. Kementerian juga proaktif dalam membangun dan melaksanakan polisi dan program melalui penyertaan dan kolaborasi aktif bersama sektor swasta dan juga pemain utama industri.

13. Saya turut dimaklumkan bahawa di PTP misalnya, terdapat beberapa kolaborasi telah dilaksanakan bersama Jabatan Pembangunan Wanita Johor dalam mendorong peningkatan pengambilan pekerja wanita sebagai tenaga kerja PTP.

PENGHARGAAN KEPADA PEKERJA WANITA

Tuan-tuan dan Puan-puan,

14. Bersempena dengan majlis hari ini sebagai meraikan Hari Wanita Sedunia 2021, marilah kita bersama – sama merenung kembali dan menghargai pencapaian luar biasa wanita – wanita hebat di Malaysia.

15. Untuk pengetahuan semua, tema Hari Wanita Sedunia pada tahun ini adalah **#ChooseToChallenge**. Manakala tema yang telah dipilih oleh Kementerian untuk menyambut **Hari Wanita 2021** di Peringkat Kebangsaan adalah **“Wanita Bangkit Mendepani Cabaran”**. Kedua – dua tema ini adalah sangat tepat dalam menggambarkan kepentingan peranan pekerja wanita di PTP.

16. Para **wanita PTP**, tidak kira sama ada mereka berada di majlis ini, di dalam terminal, atau yang sedang menjalankan tanggungjawab dan tugas di pejabat atau di rumah, anda adalah **lambang wanita bersemangat waja** dan **sumbangan besar** anda dalam membawa **PTP sebagai sebuah pelabuhan maju** di rantau ini dan juga dunia seharusnya menjadi **inspirasi kepada kita semua**.

17. Anda adalah **contoh bagaimana wanita bukan hanya duduk di belakang tabir** dan duduk dalam persekitaran pejabat yang selesa seperti industri lain, **sebaliknya telah terlibat secara aktif** di bahagian operasi, mengendalikan jentera berat, menyelenggara peralatan dan kemudahan dan **mengendalikan kapal bersaiz mega untuk masuk dan keluar dari pelabuhan.**

18. Persepsi sektor pelabuhan, yang dulunya dikenali sebagai industri yang didominasi oleh golongan lelaki, namun sekarang golongan wanita secara progresif dapat menukar persepsi senario ini.

Oleh yang demikian, pihak Kementerian akan terus bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan pelabuhan dan sektor maritim Malaysia dalam memacu kemajuan industri.

19. Saya juga telah dimaklumkan bahawa beberapa **program yang dikendalikan oleh PTP** telah **membuahkan hasil** yang mana terdapat **jurutera wanita** yang menyertai **Program “Young Engineer Apprenticeship”** selama setahun yang lalu telah berjaya **menjadi ketua pasukan jurutera** yang menguruskan jurutera – jurutera lelaki dibawah pimpinannya.

20. PTP juga telah berjaya **melahirkan kumpulan pertama operasi wanita** untuk **program “Fast Track”**. Kumpulan ini telah pun menjalankan peranan dan tanggungjawab baru mereka sebagai **pengendali ERTG, QCC dan Planner di bahagian Operasi**.

Selain daripada itu juga PTP juga telah berjaya merekrut **Kapten Marin Wanita pertama di Malaysia**. Tahniah dan syabas atas pencapaian PTP yang cukup membanggakan.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

21. Sebagai sebuah negara perdagangan seperti Malaysia yang kemakmuran ekonominya banyak bergantung pada kecekapan sektor logistik and maritim, PTP hendaklah peka terhadap keadaan ekonomi dan sosial yang sentiasa berubah – ubah.

22. Dengan **potensi pertumbuhan yang mampan**, salah satu pemangkin **perubahan yang perlu dilakukan** adalah dengan **penglibatan, tindakan dan sumbangan wanita yang lebih besar di semua sektor ekonomi**, khususnya industri maritim dan pelabuhan.

23. Tahniah saya ucapkan kepada Pelabuhan Tanjung Pelepas dalam meluaskan peranan wanita secara keseluruhan dengan penglibatan tenaga kerjanya dan atas sumbangan yang besar terhadap industri pelabuhan di Malaysia.
24. Saya percaya bahawa dengan komitmen yang berterusan dan standard servis yang sangat baik, PTP akan terus memacu ekonomi negara ke hadapan.

25. Oleh itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan terus memberikan sokongan dan komitmen yang padu kepada PTP dalam memastikan PTP dapat mencapai misi dan visi dalam menjadi pelabuhan pilihan di rantau ini.

Ladies and gentlemen,

26. On behalf of the Women, Family and Community Development Ministry delegation, I would like to take this opportunity to thank our host, Mr Marco Neelsen, Chief Executive Officer of PTP for the warm kind hospitality and initiatives by PTP in empowering women in Malaysia.

27. Akhirul kalam, dengan lafaz suci **Bismillahir rahmanir rahim** saya dengan ini **melancarkan Program “Female Employee Referral” dan merasmikan PTP Pink Prime Movers.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
6 Mac 2020